

Nama :

Kelas :

Unit **7** Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair

Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah unit ukuran yang sesuai untuk mengukur tinggi sebatang pokok kelapa?
A mℓ
B m
C km
D kg
2. Puan Naimah mempunyai 0.4 kg tepung. Dia membeli lagi 1.25 kg tepung. Berapakah jisim tepung Puan Naimah ada sekarang?
A 1.56 kg
B 1.60 kg
C 1.65 kg
D 1.77 kg
3. Sebotal susu mengandungi 1.2 ℓ. Hitung isi padu susu dalam 15 botol yang sama.
A 15 ℓ
B 15.5 ℓ
C 16 ℓ
D 18 ℓ
4. Husna mempunyai sehelai reben berwarna merah yang berukuran 254 cm. Nina pula mempunyai reben kuning yang berukuran 328 cm. Berapakah beza panjang reben mereka berdua?
A 0.74 cm
B 0.74 m
C 0.74 mm
D 0.74 km
5. Jarak dari rumah Aaron ke sekolah ialah 1.6 km. Bilangan hari persekolahannya ialah 5 hari seminggu. Hitung jumlah jarak Aaron pergi dan balik ke sekolah dalam seminggu.
6. Jarak antara Bandar A dengan Bandar B adalah 3 kali jarak antara Bandar C dengan Bandar D. Jika jarak antara Bandar C dengan Bandar D ialah 2 849 m, berapakah jarak antara Bandar A dengan Bandar B?
A 8.16 km
B 8.516 km
C 8.547 km
D 8.759 km
7. Salmiah mengisi 2 buah jag masing-masing dengan 1 980 mℓ dan 2 400 mℓ susu. Sebanyak 2 160 mℓ susu itu telah dihidangkan kepada tetamu. Berapakah isi padu susu yang tinggal?
A 2 220 mℓ
B 2 225 mℓ
C 2 500 mℓ
D 4 380 mℓ
8. Puan Erika membeli 3 pekot gula. Jisim sepekot gula itu ialah 1.5 kg. Dia mengisi sama rata kesemua gula itu ke dalam 9 buah bekas. Cari jisim gula yang ada dalam 7 buah bekas itu.
A 4.5 kg
B 0.5 kg
C 3.5 kg
D 5.5 kg
9. Eva menggunakan 600 mℓ air dan 500 g beras untuk memasak nasi. Hitung isi padu air yang diperlukan untuk memasak 2 kg beras.
A 2 000 mℓ
B 2 300 mℓ
C 2 400 mℓ
D 2 500 mℓ
10. 2 ℓ cat diperlukan untuk mengecat dinding seluas 4 m². Berapa liter catkah yang diperlukan untuk mengecat dinding seluas 25 m²?
A 10.3 ℓ
B 11.5 ℓ
C 12.5 ℓ
D 15.1 ℓ

Selesaikan masalah yang berikut. **SP 7.1 (i)** **TP 4** **TP 5**


1. Panjang sebatang jalan ialah 28 km. Pekerja menurap $\frac{3}{4}$ daripada jalan itu dengan tar dalam tempoh 3 jam. Berapakah masa yang diperlukan untuk menurap jalan yang belum diturap itu?

Jawapan: _____

2. Encik Malik membeli segulung dawai yang panjangnya 27 m berharga RM36. Dawai itu dipotong kepada 9 bahagian yang sama panjang. Dia memberikan 5 bahagian daripada dawai itu kepada Badrul. Hitung harga dawai yang diperolehi Badrul.

Jawapan: _____

3. Rajah berikut menunjukkan lokasi bagi empat buah rumah, E, F, G dan H.



Jarak dari E ke G adalah 12 km kurang daripada jarak dari F ke G. Jarak dari G ke H pula adalah $\frac{3}{8}$ daripada jarak dari E ke F melalui G. Jika Joseph mengambil masa 140 minit memandu dari F ke E melalui G, hitung masa yang diperlukan oleh Joseph untuk memandu dari E ke H melalui G.

Jawapan: _____